

13/11/2003

Keadilan bantah `negara Islam' ala-Pas

Wan Hazmir Bakar; dan Ridzuan Yop

KUALA LUMPUR: Selepas dua tahun berdolak dalik, Pas semalam mengumumkan ciri-ciri negara Islam ala-parti itu menerusi dokumen `Negara Islam' tetapi rakan utamanya, Parti Keadilan Nasional (Keadilan), awal-awal lagi menyifatkan langkah itu boleh memecahbelahkan pakatan pembangkang.

Presiden Keadilan, Dr Wan Azizah Wan Ismail, dalam satu kenyataan semalam, menyifatkan pengumuman dokumen itu sebagai `tidak sesuai dan tidak kena pada masanya' serta boleh menjejaskan prestasi pakatan pembangkang pada pilihan raya umum akan datang.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak pula menyifatkan dokumen `Negara Islam' Pas itu tidak banyak berbeza dengan apa yang sudah lama diamalkan kerajaan sehingga Malaysia diiktiraf sebagai sebuah negara Islam oleh masyarakat dunia.

Malah, katanya, kebanyakan ulama dunia mengakui Malaysia adalah sebuah negara Islam contoh dan progresif yang berjaya membawa pembaharuan melalui pemerintahan dan pentadbiran berasaskan tuntutan Islam.

"Jadi saya tidak nampak kenapa kita perlu kepada model lain kerana model yang dibawa Umno sudah menepati takrif sebuah negara Islam. Jelas sekali pengumuman itu hanyalah modal politik Pas menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Ini kerana Pas tiada isu lain yang boleh dieksploitasi seperti dilakukannya pada 1999," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa di kediamannya di sini malam tadi.

Wan Azizah, dalam kenyataan yang turut ditandatangani Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali, berkata penggunaan istilah negara Islam akan terus menimbulkan salah faham dan ketakutan yang tidak perlu di kalangan sesetengah pihak, terutamanya bukan Islam.

"Pas berhak untuk berpegang kepada prinsip dan aspirasi jangka panjangnya. Bagaimanapun, kami ingin menegaskan bahawa dokumen itu tidak ada kena mengena dengan barisan pembangkang, apa lagi dengan Keadilan," katanya.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran dokumen itu, cuba menutup keretakan dalam pakatan pembangkang dengan menyatakan Keadilan sudah diberitahu mengenai hasrat Pas itu dan bebas menyatakan pendirian.

"Kerjasama dalam barisan pembangkang adalah kerjasama politik bagi menghadapi pilihan raya. Masing-masing menghormati prinsip dan dasar parti masing-masing," katanya.

Hadir sama pada sidang akhbar itu ialah Naib Presiden Pas, Datuk Hassan Ali dan Ketua Penerangan Pas, Datuk Dr Haron Din.

Umno sebelum ini mencabar Pas supaya menyatakan ciri negara Islam yang diwararkannya selepas parti pembangkang itu menolak perisytiharan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bahawa Malaysia adalah negara Islam kerana sudah menepati ciri-ciri negara Islam.

DAP yang pernah bersama dalam BA pada pilihan raya umum lalu, bertindak keluar daripada pakatan itu apabila membantah hasrat Pas menegakkan negara Islam kerana mendakwa ia menjadi faktor ia kehilangan sokongan pengundi bukan Melayu.

Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock, ketika dihubungi petang semalam, enggan mengulas tindakan Pas itu dengan alasan belum lagi melihat dokumen berkenaan.

Dalam sidang akhbar itu, Abdul Hadi meminta supaya pemerintahan Islam

diberi peluang bagi membawa keadilan kepada rakyat selepas ideologi lain ciptaan manusia gagal melaksanakannya.

"Kalau ideologi yang lain diberi tempat melalui amalan demokrasi, sudah tiba masanya demokrasi memberi peluang kepada pemerintahan Islam," katanya.

Abdul Hadi juga menegaskan gagasan negara Islam Pas bukan berbentuk pemerintahan teokratik seperti didakwa sesetengah pihak, sebaliknya mengambil pendekatan syura melalui Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

"Perlembagaan Persekutuan akan tetap diterima pakai dengan beberapa pindaan mengikut keperluan," katanya sambil menambah sistem perundangan bersifat dualisme yang ada sekarang dikekalkan.

Dokumen setebal 53 muka surat itu turut menyatakan hukum Hudud, Qisas dan Ta'zir hanya akan dikenakan terhadap orang Islam saja manakala bukan Islam bebas memilih di antara hukum syariah atau undang-undang sivil.

Ia juga menyatakan bahawa negara Islam berkenaan akan mengutamakan meritokrasi selain menjamin kesaksamaan dan menolak diskriminasi kaum, keturunan dan jantina.

Mengenai sistem pemerintahan, Abdul Hadi berkata negara Islam mengiktiraf pemerintahan beraja atau tidak beraja walaupun ia menekankan kepada pemerintahan khalifah.

Bagaimanapun, katanya, ketua kerajaan atau Perdana Menteri mesti daripada kalangan orang Islam tanpa mengira bangsa manakala jawatan menteri lain terbuka kepada semua.

"Jika orang bukan Melayu masuk Islam dan didapati cukup syarat dan berwibawa, orang Islam bukan Melayu boleh jadi ketua negara," katanya.